

PM: Renung nasib rakyat Afghanistan

UM 10 DEC 2001

Oleh SAIFULIZAM MOHAMAD

SEPANG 9 Nov. — Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad meminta rakyat negara ini merenung nasib yang telah menimpa penduduk Afghanistan yang kini hidup dalam keadaan melarat kerana peperangan.

Beliau berkata, rakyat negara ini lebih bernasib baik kerana dapat menjalankan ibadah puasa dan menyambut Hari Raya dengan sempurna.

Beliau berkata, ini kerana negara ini bebas daripada bencana yang boleh menyebabkan rakyat hidup dalam kesusahan.

Saya harap apa yang terjadi di Afghanistan akan menyedarkan kita tentang nasib kita supaya kita lebih insaf terhadap kesusahannya yang mereka alami.

Pada Hari Raya kita tetap raya tetapi orang lain di Afghanistan tidak dapat berhari raya kerana tidak cukup makan. Saya diberitahu kehidupan mereka terdedah kepada keadaan suasana yang teruk," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika mengiringi kumpulan kedua perubatan Pergerakan Pemuda UMNO ke Pakistan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), malam ini.

Perdana Menteri berkata, pemergian kumpulan doktor Pemuda UMNO itu untuk membantu pelarian Afghanistan adalah merupakan satu langkah yang amat baik.

"Sementara kita menolong orang yang tidak bernasib baik ini, kita juga mempelajari sesuatu. Inilah pengalaman kepada golongan muda seperti Pemuda UMNO. Setidak-tidaknya pengalaman seperti ini dapat melahirkan barisan pemimpin negara yang insaf dan bersyukur," katanya lagi.

Sementara itu Ketua Pemuda UMNO, Datuk Hishammuddin Tun Hussein berkata, rombongan perubatan malam ini disertai 16 orang yang terdiri daripada doktor, paramedik dan lapan sukarelawan termasuk menantu Dr. Mahathir, Jane Mirzan Husaini.

Beliau berkata, rombongan tersebut akan menggantikan pasukan perubatan yang telah sedia ada di Pakistan.

"Ini rombongan kedua kita untuk menggantikan pasukan di sana. Tarikh pulang mereka belum ditentukan tetapi yang pasti mereka akan berhari raya di sana," katanya lagi.

Beliau berkata, Pemuda masih meneruskan usaha mengumpul barang keperluan untuk diderma kepada pelarian Afghanistan dan setakat ini jumlah barang dapat dikumpulkan ialah 60 tan.

"Penghantaran pertama sudah kita buat dan kini kita berusaha untuk membuat penghantaran kedua. Pemuda berharap orang ramai terus membantu kami untuk merealisasikan usaha ini," katanya.